

12 DEC 1996

IT-Pelan

PELAN IT PERLU PENUHI KEHENDAK MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 12 Dis (Bernama) -- Pelan tindakan Teknologi Maklumat (IT) Malaysia tidak akan ditiru daripada dasar IT negara lain, kata ketua pegawai eksekutif Mimos Berhad Datuk Tengku Dr Azzman Shariffadeen hari ini.

Pelan IT Malaysia mengambil kira kedudukan sosial, politik dan ekonomi yang unik di negara ini, kata beliau pada persidangan akhbar untuk mengumumkan mengenai Persidangan Infotech '96 di sini.

"Kita tahu apa yang negara lain sedang lakukan untuk pembangunan IT tetapi kita tidak seharusnya terlalu ghairah mengaguminya," kata beliau.

Tengku Azzman, yang juga setiausaha Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan, berkata langkah perlu diambil oleh pelbagai pihak untuk mengatasi sebarang keraguan di kalangan rakyat Malaysia mengenai IT.

Sebagai contoh, beliau mencadangkan agar syarikat-syarikat IT menimbang kemungkinan menjadikan produk berkaitan IT lebih mudah diperolehi oleh orang ramai dengan menurunkan harga atau kadar perkhidmatan.

Ketua Pembangkang Lim Kit Siang, yang akan menjadi anggota panel pada sesi perbincangan semasa Infotech '96, berharap kerajaan menimbang menambah satu lagi matlamat dalam Wawasan 2020 iaitu untuk mewujudkan "Masyarakat Berpengetahuan".

Menurut beliau ini bagi membolehkan semua rakyat Malaysia mendapat pelbagai peluang dan cara untuk belajar.

Infotech '96 yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 18 Dis merupakan forum bagi rakyat Malaysia untuk menyumbang ke arah proses menggubal dasar dan pelan tindakan IT negara.--

BERNAMA

MAM MAI